

# 'Saya belum pencen, masih bekerja 7 hari seminggu'

B/14 11/7/12  
MS 35.

## Usia bukan halangan Pak Ungku curah bakti kepada masyarakat


Dalam dunia akademik, nama Profesor Diraja Ungku Aziz atau lebih sinonim dengan panggilan Pak Ungku sudah tidak asing lagi, malah beliau juga terkenal sebagai ahli ekonomi yang banyak menyumbang idea kepada agama, bangsa dan negara.

Beliau sering mengutarakan idea di luar jangkauan masyarakat, termasuk penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Haji serta menjadi pengasas Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).

Pak Ungku yang kini sudah memasuki usia 90 tahun, juga dikenali kerana kritikkannya yang tajam dan kritis. Pernah ketika beliau menjadi Naib Canselor Universiti Malaya (UM), beliau mengkritik golongan pensyarah yang tidak mengambil inisiatif memperbaiki diri sebagai 'profesor kangkung'.

Generasi muda yang mungkin tidak mengenali Pak Ungku, beliau adalah bapa kepada Gabenor Bank Negara sekarang, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

Beliau mengamalkan disiplin tinggi dan segala-galanya dirancang me-



Ungku Aziz menunjukkan sebahagian khazanah buku disimpan dalam bilik kerjanya.

gi dan segala-galanya dirancang mengikut masa yang ditetapkan.

Ketika penulis menemuinya di apartmen beliau di Seksyen 17, Petaling Jaya, baru-baru ini beliau sedang menulis nota untuk dibentangkan pada majlis anjuran Suruhanjaya Sekuriti.

Pada hari biasa ketika tiada majlis yang perlu dihadapinya, beliau ke pejabatnya di Damansara selepas melakukan senaman ringan di pekaraangan luar apartmennya.

“Saya bekerja tujuh hari seminggu. Saya tidur pada jam 11.30 malam atau 12 tengah malam dan bangun pada jam 6 pagi. Saya berehat sekejap antara jam 3 hingga 4 petang kerana perlu menjaga tubuh dan fikiran saya.

“Saya mengamalkan pemakanan sihat dan mengikut peraturan seperti yang tertera dalam buku *Fit For Life* oleh J Diamond,” katanya.

Pada waktu pagi, Pak Ungku melakukan sesuatu mencabar pemikirannya seperti membaca buku susah dibaca atau membuat sudoku.

### Mengenai orang Melayu

Pak Ungku juga menyatakan kebimbangannya mengenai generasi muda Melayu sekarang suka merempit.

Secara umumnya beliau berpendapat orang Melayu mempunyai satu sikap yang dinamakan sebagai ‘apathy’ atau sikap ‘tidak apa’. Secara berjenaka kawannya pernah berkata “tidak-apa-thy”.

Pak Ungku berkata, atas sebab demikianlah, beliau akan menulis artikel mengenai sikap ‘tidak apa’ atau ‘tidak peduli’ orang Melayu bagi me-



“**Saya bekerja tujuh hari seminggu. Saya tidur pada jam 11.30 malam atau 12 tengah malam dan bangun pada jam 6 pagi. Saya berehat sekejap antara jam 3 hingga 4 petang kerana perlu menjaga tubuh dan fikiran saya**”

**Profesor Diraja Ungku Aziz**

lihat punca kenapa ia berlaku.

Beliau juga menarik perhatian mengenai ketidakseimbangan di antara pelajar perempuan dan lelaki di universiti. Pelajar perempuan mengatasi bilangan pelajar lelaki di universiti, melebihi 60 peratus.

Pak Ungku berkata, ketika menjadi Naib Canselor UM, antara perkara yang mendorongnya untuk melakukan perubahan ialah ketika Fakulti Perubatan ditubuhkan, beliau melihat jumlah pelajar Melayu amat kurang sekali.

“Daripada 130 pelajar yang mendaftar, hanya kira-kira 10 pelajar Melayu. Atas sebab demikian saya memulakan Pusat Asasi Sains dan kini ada antara 10,000 hingga 15,000 pakar perubatan Melayu,” katanya.

Beliau juga menyatakan pemerhatiannya bahawa orang Melayu sekarang lebih bersikap ‘kiasu’. Mereka sentiasa inginkan lebih. Kalau mereka mempunyai sebuah kereta, mereka mahu dua kereta.

Golongan kiasu ini, kata Pak Ungku bekerja keras untuk mendapat pendapatan lebih dan hanya pulang dari pejabat pada jam 7 petang.

Mereka memberi kemewahan kepada anak menyebabkan anak mereka menjadi obes kerana makan terlalu banyak burger.

### Mengenai minat membaca

Sebagai ahli ekonomi, Ungku Aziz membaca *Financial Times* setiap hari untuk mengetahui perkembangan dalam bidang itu.

Beliau berkata, pada zaman ini buku boleh dibeli daripada Ama-

zon.com dan dalam beberapa hari saja buku itu akan sampai.

Minatnya terhadap buku juga menyebabkannya sering ke kedai buku.

Keseluruhannya koleksi buku Pak Engku berjumlah 4,000 naskhah, yang kini disimpan di dua lagi unit apartmen yang bercantum dengan apartmennya di Petaling Jaya. Selain itu, beliau juga memiliki sebuah rumah di Morib untuk menyimpan koleksi bukunya yang lain.

Pak Ungku kesal generasi muda kini tidak minat pada buku. Mereka lebih gemar menggunakan gajet disebabkan perubahan teknologi.

“Saya juga cuba menumpang perubahan teknologi itu dengan menggunakan iPhone tetapi saya tidak suka dikawal oleh alat ini,” katanya.

Beliau juga membaca portal berita tetapi tidak melekat padanya.

“Saya tidak mahu menjadi hamba internet,” katanya yang kini sedang menelaah buku *Reading The Quran* karya penulis Ziauddin Sardar.

Katanya, beliau sedih melihat generasi muda sekarang bukan saja tidak sukakan buku, memegang buku pun tidak mahu. Akibatnya, mereka tidak mempunyai daya ingatan kuat kerana segala-galanya ada dalam kad memori.

Anehnya kata beliau, perkara ini hanya berlaku di Malaysia, tetapi di Eropah keadaannya berbeza, sekali gus menyebabkan generasi muda kita ketinggalan dalam serba-serbi.



**Penulis**

boleh dihubungi di  
[razak@bharian.com.my](mailto:razak@bharian.com.my)